

**Agong Saran Kerjasama Dua Hala Antara Malaysia Dan Turkmenistan Ditingkat Bernama
07 Disember, 2011**

PUTRAJAYA, 7 Dis (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin menyaran agar Turkmenistan dan Malaysia terus menerokai peluang dalam sektor lain untuk memantapkan lagi kerjasama dua hala.

Baginda bertitah hubungan diplomatik antara Malaysia dan Turkmenistan yang terjalin sejak 1992 telah berkembang dengan mantap dan pembukaan kedutaan Malaysia di Ashgabat menjelang akhir tahun ini membuktikan hubungan erat antara kedua-dua negara.

"Beta berpuas hati dengan perkembangan yang menggalakkan terutamanya dalam bidang minyak dan gas, ekonomi, perdagangan dan pembangunan modal insan.

"Walaupun hubungan mantap telah sedia terjalin, kita perlu terus mencari peluang dalam sektor-sektor lain bagi memantapkan kerjasama dua hala," titah baginda pada majlis santapan negara bagi meraikan Presiden Turkmenistan Gurbanguly Berdimuhamedov di Istana Melawati di sini.

Hadir sama pada majlis itu ialah Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Untuk membangunkan potensi tersebut, Tuanku Mizan bertitah usaha yang lebih perlu diambil untuk mengakrabkan interaksi dan pemahaman antara rakyat di kedua-dua negara untuk menjadi platform yang kukuh bagi mencapai aspirasi yang sama.

"Beta juga gembira kerana kedua-dua negara mempunyai pandangan yang sama dalam banyak isu-isu serantau dan antarabangsa terutamanya yang mementingkan proses pelbagai hala serta menyelesaikan konflik secara aman.

"Kesamaan ini telah memberi laluan kepada kerjasama yang rapat dan mendalam antara Malaysia dan Turkmenistan dalam arena antarabangsa serta menyumbang kepada kestabilan dan keamanan dunia," titah baginda.

Seri Paduka Baginda bertitah lawatan negara pertama Berdimuhamedov selepas 14 tahun adalah manifestasi ikatan rapat persahabatan dan persefahaman Malaysia dan Turkmenistan dan ia menunjukkan keazaman berterusan kedua-dua negara untuk mengukuhkan hubungan bagi pembangunan bersama.

Berdimuhamedov pula berkata Turkmenistan menghormati polisi Malaysia yang konstruktif dan seimbang yang membezakan Malaysia di arena antarabangsa, untuk kepentingan dan peranan Malaysia di Asia dan Asia Pasifik.

"Bagi pihak kami, kami melihat dengan jelas usaha dan kesediaan Malaysia dan pemerintahnya untuk bekerjasama dengan kami. Kami menghargai penghormatan anda kepada model pembangunan dalaman dan polisi luar Turkmenistan dan sokongan anda kepada inisiatif antarabangsa kami," katanya.

Beliau mahu hubungan setiakawan dan kerjasama antara kedua-dua negara dibangunkan dan diperkukuhkan lagi.

Beliau berkata persefahaman dan kerjasama yang sedia terjalin antara kedua-dua negara turut merupakan hasil sumbangan Tuanku Mizan dan Perdana Menteri (Najib).

"Turkmenistan adalah rakan baik dan setia anda. Negara kami merupakan penyokong setia kepada hubungan pembangunan komprehensif yang berterusan dengan Malaysia," kata Berdimuhamedov dan menambah hubungan antara Turkmenistan dan Malaysia dibina di atas prinsip persamaan, saling hormat menghormati, kepercayaan dan keterbukaan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=632624>